



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SURIANI BINTI DATO' AHMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
"TAKLIMAT ISU SEMASA SIRI 3 (KKMM) / 2019 :
BANTUAN SARA HIDUP,
SKIM PERLINDUNGAN KESIHATAN NASIONAL B40
& SKIM PEDULI KESIHATAN B40"**

**BERTEMPAT DI:
DEWAN SERBAGUNA, ARAS B1, KOMPLEKS KKMM**

**PADA:
25 JULAI 2019 (KHAMIS)**

Bismillahirrahmanirrahim,

YBr. Encik Mohammad Diah Haji Wahari,

Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) KKMM

YBr. Puan Roselindawati Abdul Rahman,

Ketua Pengarah Penerangan Malaysia

YBhg. Datuk Haji Almain Haji Ajirul

Setiausaha Bahagian Komunikasi Strategik KKMM

YBhg. Dato'-Dato',

Datuk-Datuk,

Ketua-Ketua Jabatan,

Para Pegawai Kanan Kementerian dan Jabatan,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera

Salam Sayangi Malaysiaku Malaysia Bersih.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi pujian dirafakkan ke hadrat Allah S.W.T. di atas limpah kurnia-NYA dapat kita bersama-sama berada dalam majlis ilmu bertajuk **Program Taklimat Bantuan Sara Hidup (BSH), Skim Perlindungan Kesihatan Nasional B40 (mySalam) dan Skim Peduli Kesihatan Kumpulan B40 (Peka B40)** pada hari ini.
2. Sebagai pembuka bicara menyulam kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah di atas kehadiran semua wakil dari jabatan dan agensi KKMM. Ini memperlihatkan komitmen dan semangat tinggi tuan-tuan dan puan-puan untuk meningkatkan kefahaman, mendapatkan penjelasan dan menguasai ketepatan fakta secara terus daripada Kementerian Kewangan dan Kementerian Kesihatan sendiri.
3. Saya juga ingin menyatakan penghargaan KKMM kepada **pegawai kanan serta penceramah Kementerian Kewangan dan Kementerian**

Kesihatan yang hadir pada hari ini bagi menyampaikan input serta maklumat berkenaan BSH, mySalam dan PeKa B40.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Untuk makluman, sehingga kini KKMM melalui Bahagian Komunikasi Strategik telah melaksanakan beberapa siri taklimat yang melibatkan penerangan mengenai **Isu Tabung Haji, Penyusunan Semula Felda, Jenayah Pemerdagangan Orang** dan **Penyeludupan Migran** serta **Jenayah Siber**.
5. Saya percaya kerjasama pintar, perkongsian dan pertukaran maklumat sebegini mampu melengkapkan kita sebagai **ejen penyampai** maklumat Kerajaan yang cekap dan berkesan melalui **pendekatan komunikasi menyeluruh** dengan penggunaan pelbagai medium dalam inisiatif menyebarkan fakta sebenar sekaligus menghindari orang ramai dari terpengaruh dengan berita tidak benar.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Program taklimat ini adalah salah satu daripada tanggungjawab KKMM dalam melaksanakan tindakan **agenda promosi dan publisiti nasional** bagi meningkatkan kesedaran rakyat terhadap keprihatinan Kerajaan menjaga kebajikan dan memberikan bantuan kewangan dan penjagaan kesihatan khususnya kepada golongan kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40).
7. KKMM menerusi agensi-agensi di bawahnya sentiasa menyampaikan maklumat isu semasa dalam **berbagai bentuk dan kaedah** seperti siaran Pesanan Khidmat Awam (PKA), rereyap (*crawlers*), berita, sesi komunikasi bersemuka di lapangan dan sebaran bahan cetakan.

8. Bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian, KKMM membuat **hebahan holistik** melalui kombinasi medium elektronik, komunikasi bersemuka, media atas talian (*online media*), portal berita dan media sosial.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Bantuan Sara Hidup dan skim mySalam merupakan skim bantuan kewangan secara langsung untuk golongan berpendapatan rendah dalam usaha Kerajaan **mengalih beban kewangan** rakyat yang terkesan kerana faktor ekonomi dunia yang tidak menentu.
10. Pemberian BSH merupakan usaha untuk menjamin kebajikan dan kualiti hidup rakyat menerusi pemberian bantuan secara lebih bersasar dan bergantung kepada saiz isi rumah mulai Januari 2019.
11. Skim Perlindungan Kesihatan Nasional B40 atau Skim mySalam merupakan kesinambungan inisiatif kepedulian Kerajaan kepada mereka yang amat memerlukan dan dijangka mampu **meluaskan akses** perkhidmatan kesihatan yang diperlukan, meringankan beban kos sara hidup serta meningkatkan kesejahteraan rakyat.
12. Skim ini menyediakan **pembayaran one-off sejumlah RM8,000** sekali sahaja sekiranya mereka disahkan menghadapi salah satu daripada **36 penyakit kritikal** yang disenaraikan dalam Skim mySalam seperti kanser, penyakit jantung, distrofi otot, Alzheimer dan lain-lain.
13. Skim Peduli Kesihatan B40 atau PeKa B40 merupakan inisiatif yang diletakkan di bawah program kesihatan bertujuan menampung keperluan penjagaan kesihatan golongan berpendapatan rendah dengan fokus rawatan terhadap penyakit tidak berjangkit (*non-communicable diseases*) seperti kencing manis, darah tinggi, kanser dan sebagainya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Pada kesempatan ini, saya mewakili KKMM ingin menyatakan komitmen padu Kementerian ini dalam usaha memberi penerangan, penjelasan dan kefahaman kepada masyarakat keseluruhan mengenai program atau dasar Kerajaan.
15. Akhir kata saya amat berharap semua peserta dapat memanfaatkan ilmu pengetahuan yang diperolehi menerusi taklimat ini dan memperkukuhkan tahap kesedaran orang ramai terhadap program-program bantuan Kerajaan yang memberi manfaat kepada jutaan rakyat Malaysia.
16. Dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, saya dengan sukacitanya merasmikan program Taklimat Isu Semasa Siri 3(KKMM)/ 2019 pada pagi ini.

Wabillahi Taufik WalHidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.
Sekian, terima kasih.